

03 JAN 2000

UMNO MELAKA SOKONG PENUH CADANGAN MT

MELAKA, 3 Jan (Bernama) -- Badan Perhubungan Umno negeri ini menyokong penuh cadangan Majlis Tertinggi (MT) parti itu supaya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dicalonkan sebagai presiden dan timbalan presiden pada perhimpunan agung Mei ini.

Pengerusinya, Datuk Wira Mohd Ali Rustam berkata cadangan itu penting bagi memastikan perpaduan dalam parti tetap kukuh.

"Jika ada pertandingan bagi dua jawatan tertinggi itu, sudah pasti akan berlaku perpecahan, maka wujudlah team A dan B... untuk merapatkan semula sudah tentu memakan masa yang lama," katanya.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas majlis angkat sumpah anggota majlis Pihak Berkusa Tempatan (PBT) di sini hari ini, Ketua Menteri itu berharap semua anggota parti akan menerima cadangan itu tanpa memikirkan soal pertandingan.

Menurutnya, kesemua lima bahagian Umno di negeri ini bersetuju untuk akur dengan cadangan MT supaya tidak ada pertandingan bagi kedua-dua jawatan itu.

Ditanya sama ada beliau menawarkan diri untuk bertanding bagi mana-mana jawatan pada pemilihan parti Mei ini, beliau berkata; "Saya pertahankan tempat yang ada sekarang ini sudahlah."

Mohd Ali kini adalah anggota MT.

-- BERNAMA

MYD NMO